

16 NOV 1999

PPP-Kerusi

TIADA KERUSI UNTUK PPP, KATA KAYVEAS

PUTRAJAYA, 16 Nov (Bernama) -- Parti Progresif Penduduk Malaysia (Baru) (PPP) tidak mendapat sebarang kerusi untuk ditandingi pada pilihan raya umum ke-10 pada 29 Nov ini, kata presidennya Datuk M. Kayveas.

Beliau berkata keputusan itu dimaklumkan kepadanya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN) di pejabatnya di sini hari ini.

"Saya berpuas hati sepenuhnya dengan penjelasan perdana menteri dan saya rasa anggota PPP harus bersabar. Teruslah menyokong BN sepenuhnya tanpa sebarang keraguan dan mereka harus menunggu masanya," katanya kepada pemberita selepas pertemuan itu.

Kayveas berkata Perdana Menteri menjelaskan sebab-sebab mengapa tiada kerusi diperuntukkan kepada parti itu dengan alasan bahawa bilangan kerusi sama seperti tahun-tahun sebelum ini.

Dr Mahathir juga memberi jaminan bahawa PPP akan mendapat kerusi pada masa depan apabila kerusi baru diwujudkan.

Pertemuan 30 minit itu turut dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin, Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob.

Kayveas berkata anggota PPP pasti kecewa dengan keputusan itu tetapi beliau akan membuat penjelasan kepada mereka.

Katanya anggota PPP patut menghentikan membuat sebarang kenyataan, berhenti daripada cuba mencari pengaruh atau cuba berjumpa Perdana Menteri kerana mereka telah membuat perancang untuk meminta kerusi.

"Keputusan sudah dibuat, saya menerima keputusan itu dan akan menyokong BN sepenuhnya dalam pilihan raya akan datang. Kita akan menyertai setiap ceramah dan apa sahaja rancangan yang sudah kita sediakan," katanya.

Menurutnya isu peruntukan kerusi sudah tamat dan kini merupakan masa bagi setiap orang untuk bekerja dan memastikan kemenangan BN.

Ditanya sama ada PPP ditawarkan jawatan senator, beliau berkata: "Saya rasa kita tangguhkan semua itu sehingga selepas pilihan raya."

Kayveas ialah antara pemimpin parti komponen BN yang bertemu Dr Mahathir hari ini untuk membincangkan mengenai calon-calon bagi parti masing-masing.

Pemimpin lain termasuk Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya dan Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik yang juga Menteri Perusahaan Utama.

Mereka yang dilihat meninggalkan Jabatan Perdana Menteri ialah Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman, Ketua Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah dan wakil khas Dr Mahathir bagi kawasan Parlimen Kubang Pasu Tan Sri Osman Aroff.

-- BERNAMA

AFY LAT MAI